

11 SEP 2001

Russia-Malaysia

PERTEMUAN PUTIN-MAHATHIR AKAN TINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Mesyuarat dua hala antara Presiden Russia Vladimir V.Putin dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Moscow minggu ini akan menjadi satu peristiwa besar dalam hubungan dua hala, menurut Kementerian Luar Russia.

Pertemuan Putin-Mahathir akan memberikan kualiti baru terhadap hubungan ini dalam pelbagai bidang, menurut kementerian itu dalam satu kenyataan yang diedarkan kedutaan Russia di sini hari ini menjelang lawatan empat hari Dr Mahathir ke Russia bermula Rabu atas undangan Putin.

Pertemuan terakhir Putin dan Dr Mahathir ialah pada forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Brunei tahun lepas.

Menurut kenyataan itu, selain memberikan keutamaan terhadap interaksi politik, perbincangan di antara kedua-dua pemimpin itu akan memberi tumpuan terhadap pempelbagaian perdagangan dan ikatan ekonomi.

"Terdapat banyak ruang bagi perkongsian manfaat dalam bidang sains, teknologi tinggi, kerjasama perindustrian, terutama dalam bidang penerbangan dan ruang angkasa, bioteknologi dan teknologi membran.

"Turut tidak dilupakan ialah bidang ICT iaitu dalam rangka Russia dihubungkan dengan pelaksanaan projek terkemuka Koridor raya Multimedia Malaysia," menurut kenyataan itu.

Dengan kedua-dua pihak mempunyai prospek yang menarik dalam pencarian dan penggalian sumber galian serta bidang pengangkutan, kemungkinan meningkatkan lagi pelaburan Malaysia dalam ekonomi Russia adalah juga sesuatu yang boleh diharapkan, menurut kenyataan itu.

Menurutnya prospek yang luas mencirikan kerjasama antara wilayah Russia dan negeri-negeri di Malaysia, terutama dalam menjadikan kenyataan program pembangunan ekonomi Siberia dan Timur Jauh Russia.

"Seseorang itu tidak boleh mengenyepikan peluang baik bagi memperluaskan kerjasama dalam teknik dan teknologi ketenteraan serta menggalakkan hubungan antara tentera," menurut kenyataan itu.

Menurutnya Russia dan Malaysia memberi perhatian serius terhadap pembaikan dan pemodernan yang sistematik dasar undang-undang bagi hubungan dua hala.

"Mereka sedang menyediakan kertas persiapan bagi sejumlah perjanjian antara kerajaan dan antara jabatan serta MoU untuk ditandatangani termasuk mengenai penggalakkan dan perlindungan bersama pelaburan, kerjasama sains dan teknologi dan sebagainya," menurut kenyataan itu.

Kerjasama pelbagai dengan Malaysia merupakan satu aspek penting dalam dasar Russia di Asia Tenggara dan rantau Asia-Pasifik, menurut kenyataan itu.

"Moscow menghargai hubungan politik pada peringkat tinggi kini antara kedua-dua negara kerana hubungan itu banyak menyumbang kepada pembangunan keseluruhan hubungan Malaysia Russia yang berterusan," menurut kenyataan itu.

Pandangan erat dan selari Malaysia dan Russia mengenai isu global dan serantau menjadi asas bagi interaksi berterusan antara kedua-dua negara di arena antarabangsa, menurutnya.

Kedua-dua negara memberi penekanan terhadap perlunya memelihara dan meningkatkan peranan pusat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam hal ehwal antarabangsa dan kedua-dua negara menyokong pengwujudan order dunia yang bertentangan yang akan mengecualikan sebarang tindakan sehalu dan menjamin hubungan antara negara secara saksama yang memberikan manfaat bersama.

Moscow dan Kuala Lumpur terikat dalam satu pengertian istimewa untuk memperkukuhkan kestabilan di peringkat global dan serantau, mengekalkan proses menghalang penggunaan nuklear dan senjata pemusnah yang lain, menurut kenyataan itu.

"Telah wujud persefahaman bahawa keganasan antarabangsa, kumpulan pemisah dan ekstremis merupakan ancaman serius terhadap keselamatan," menurutnya.

Moscow juga bersedia mengukuhkan interaksinya dengan Malaysia dalam dialog selepas mesyuarat peringkat Menteri Asean dan Forum Serantau Asean (ARF).

"Sebagai anggota ARF, Russia akan memudahkan peningkatan peranan forum itu kerana Moscow menganggap ia sebagai mekanisme penting bagi dialog pelbagai hala mengenai keselamatan dan kestabilan di Asia-Pasifik.

"Pengukuhan kestabilan di rantau ini, di mana potensi konflik masih wujud, akan pastinya merupakan arah penting dalam kerjasama politik Malaysia-Russia," menurut kenyataan itu.

Menurut Russia, ia juga akan mengukuhkan kerjasamanya dengan Malaysia dalam Apec kerana kedua-dua pihak percaya kegiatan Apec hendaklah mengambil kira kepentingan dan kemungkinan semua negara anggota.

Kedua-dua negara bersetuju bahawa globalisasi tidak hanya bagi kepentingan sekumpulan kecil negara.

"Tugas yang patut dilaksanakan ialah untuk memudahkan pembangunan mapan bagi semua negara," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA

ES ES RON